

Headline **Ujian HIV nikah di Kedah banyak kerenah**
Date **22 Oct 2009**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **30**
Article Size **242 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **3,300**
PRValue **9,900**



Ujian HIV nikah di Kedah banyak kerenah

UJIAN HIV praperkahwinan adalah syarat wajib bagi pasangan pengantin beragama Islam bernikah. Walaupun perkara ini kadang-kala menyukarkan, banyak hikmah dan manfaat di sebaliknya.

Pada Ahad, 11 Oktober lalu, saya dan pasangan melalui satu pengalaman yang cukup menjengkelkan bagi memenuhi tuntutan berke-naan. Tunang saya mengambil cuti bagi menjalankan ujian dan saya pulang dari Pulau Pinang untuk urusan ini.

Klinik pertama yang dituju ialah Klinik Kesihatan Pendang. Kami tiba jam 9.30 pagi, malangnya tertera di pintu masuk utama klinik terbabit ditulis bahawa ujian HIV hanya dijalankan pada hari tertentu, iaitu Isnin, Selasa dan Khamis.

Tertera juga, ujian boleh dijalankan di Klinik Kesihatan Sungai Tiang pada Ahad.

Dari situ, bermulalah perjalanan kami. Perjalanan yang mengambil masa 20 minit itu berakhir dengan jawapan bahawa, tiada ujian dapat dilakukan kerana borang habis. Sudahlah ujian dilaku-

kan pada hari tertentu, bila tiba harinya alasan seperti ini yang diberi.

Kemudian, kami bergegas lagi ke Klinik Kesihatan Kota Setar. Di sana, jururawat bertugas menyatakan bahawa, keutamaan adalah kepada pesakit. Sekiranya pesakit ramai, pegawai perubatan yang bertugas hanya boleh melihat kes kami pada tarikh lain yang ditetapkan.

Bila diceritakan keadaan kami, jururawat yang bertugas bertanya di mana kami tinggal dan mengapa tidak pergi saja ke klinik terbabit. Senario 'tandang bola' oleh jabatan kerajaan sudah bermula. Dari Kota Setar, kami ke Klinik Kesihatan Kepala Batas. Tertera juga, ujian hanya dilakukan pada Selasa.

Namun agak bernasib baik, seorang petugas lelaki di kaunter memberikan kami maklumat mengenai lokasi klinik yang menjalankan ujian pada Ahad. Berdasarkan jadual itu, ujian hanya dijalankan pada jam 2.30 hingga 4 petang.

Ketika itu, jam baru 11 pagi, jadi tentu banyak masa lagi. Kira-kira jam 2.45 petang kami ke klinik Jalan Putra dan menerima jawa-

pan bahawa tiada pegawai perubatan bertugas pada hari itu. Dari sana kami bergegas pula ke Simpang Kuala dan jawapan diterima, kit ujian HIV habis dan ujian tidak dapat dijalankan.

Sekali lagi cerita perjalanan kami pada hari itu harus diulang. Sekali lagi soalan ditanya, kenapa tidak pergi saja ke klinik berdekatan. Petugas wanita dengan selamba menyuruh kami datang lagi esoknya. Persoalannya,

jika cuti diambil lagi untuk urusan ini, apakah kepastian bahawa ia akan berjalan lancar tanpa sebarang alasan? Jawapan petugas wanita itu: "Nasiblah."

Dengan rasa kecewa kami ke klinik Kuala Kedah dengan perasaan putus asa kerana kami tiba di klinik itu kira-kira jam 4.15 petang dan kaunter pendaftaran sudah ditutup, ramai pesakit sedang menunggu.

Selepas menceritakan masalah kami menjadi 'bola' dengan budi bicara petugas, kami akhirnya berjaya menyelesaikan urusan itu pada jam 5.15 petang. Terima kasih tidak terhingga untuk petugas di Klinik Kesihatan Kuala Kedah atas budi bicara

dan timbang rasa yang menidakkan segala kelemahan petugas awam di Malaysia. Kami dilayan dengan bersopan walaupun masa bekerja berakhir.

Perlu diingatkan bahawa petugas awam memikul amanah yang diberikan seluruh rakyat dan bukan bekerja semata-mata untuk memenuhi saku setiap hujung bulan. Alasan seperti tiada borang, dan tiada alat-alat tidak sepatutnya diberikan.

Kalau pelanggan datang bertanya pada hari salah, anda berkata, kami tidak tahu membaca, kalau kami datang mengikut ketetapan dan anda yang tidak menjalankan penyelenggaraan stok apa pula kata anda, 'Nasiblah....'

Balik-balik kami juga yang teraniaya. Proses yang hanya memerlukan 15 minit, menjadi panjang sehingga sehari suntuk. Untuk pengetahuan, tujuh klinik kesihatan di Kedah kami kunjungi dalam tempoh lapan jam hanya untuk memenuhi syarat perkahwinan kami.

NLM,
Pulau Pinang.